

## LELAKI BERSALAM DENGAN WANITA

### Soalan:

Bolehkah lelaki bersalam dengan wanita sama ada muda atau tua? Untuk pengetahuan, sudah menjadi kebiasaan keluarga kami bersalaman antara sanak-saudara terutama ketika menyambut hari raya.

### Jawapan:

Haram lelaki bersalam dengan wanita ajnabi (bukan mahram) menurut kesepakatan para ulama berdasarkan larangan umum yang terkandung di dalam hadis. Menurut Umaimah Binti Ruqaiqah r.a, Rasulullah s.a.w telah bersabda:

إِنِّي لَا أَصَافِحُ النِّسَاءَ

Maksudnya:

*“Sesungguhnya aku tidak bersalam dengan perempuan.”* – Hadis hasan riwayat Abu Daud dan al-Nasaai.

Selain itu, terdapat larangan keras daripada Nabi s.a.w mengenai perbuatan menyentuh kulit wanita:

لَا تَجْلُ لُهَا لِأَنَّ يُطَعْنَ فِي رَأْسِ أَحَدِكُمْ بِمَخِيطٍ مِنْ حَدِيدٍ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَمَسَّ امْرَأَةً

Maksudnya:

*“Tidak halal seorang lelaki menyentuh wanita ajnabi. Demi ALLAH! Kepala seseorang ditusuk dengan jarum yang diperbuat daripada besi lebih baik baginya dari menyentuh seorang wanita.”* – Hadis hasan riwayat al-Tobrani.

Menurut kefahaman saya, tidak ada beza antara sengaja menyentuh wanita secara berlapik atau tidak berdasarkan umum hadis. Wallahu a'lam.

## AYAH MENCIUM PIPI ANAK PEREMPUAN

**Soalan:**

Apakah hukum seorang ayah mencium dahi atau pipi anak perempuannya yang sudah baligh?

**Jawapan:**

Tidak mengapa seorang ayah mencium anak perempuannya atau ibu mencium anaklelakinya sama ada besar atau kecil tanpa disertai syahwat. Harus dia mencium dahi atau pipi walaupun sudah besar. Ini kerana, tsabit perbuatan Abu Bakar al-Siddiq r.a mencium pipi anaknya Asiyah r.a (isteri Nabi s.a.w).

Tetapi, saya berpendapat tidak harus seorang ayah mencium mulut anak perempuan. Justeru, meninggalkan perbuatan itu lebih afdal dan lebih menjaga diri dari berlakunya kemungkaran.

Begitu juga perbuatan anak perempuan mencium mulut ayahnya atau anak lelaki mencium mulut ibunya. Kedua-duanya harus kecuali ciuman mulut. Jika ciuman itu dipenuhi syahwat, perbuatan itu jelas diharamkan atas tujuan mengelak fitnah dan menyekat dari terus berlaku kemungkaran. Wallahu a'lam.

## **CARA BERGAUL DENGAN BUKAN ISLAM**

**Soalan:**

Apakah adab dan cara yang terbaik dalam pergaulan ketika bersama dengan orang bukan Islam?

**Jawapan:**

Syarak mengharuskan muslim bergaul dan berurusan dengan yahudi, kristian atau apa-apa bangsa yang dapat menjaga adab pergaulan seperti tidak menipu, berakhlak baik, tidak memusuhi Islam dan sebagainya sebagaimana terdapat di dalam sahih al-Bukhari, bab: Jual beli bersama kaum musyrikin dan ahli al-Harb.

Tidak ada banyak perbezaan antara adab pergaulan antara muslim dan kuffar dari segi aurat dan adab. Bahkan, tsabit perbuatan Nabi s.a.w berurusan dengan yahudi tetapi mereka terdiri dari kalangan ahli kitab yang telah membuat perjanjian dan berjanji tidak akan melanggarnya. Jika ada antara mereka yang melakukan pengkhianatan, golongan ini akan dibunuh, dibuang daerah atau terputus segala urusan dengan mereka bergantung kepada hukum syariat.

Menurut Imam al-Nawawi r.h di dalam Syarh Sahih Muslim, jilid 11, muka surat 41:

“Umat Islam sepakat mengharuskan perbuatan berurusan dengan kaum kafir yang tidak memusuhi Islam dan bangsa lain selagi memberi manfaat buat umat. Tetapi, tidak harus umat Islam mengukuhkan ekonomi mereka atau mengukuhkan kekuatan mereka serta membantu mereka untuk menegakkan syiar agama mereka.”

Dalam masa yang sama, umat Islam perlu sedar dan berhati-hati terhadap pengkhianatan musuh. Jika mereka mengkhianati agama dan saudara seagama, ketika itu terputuslah bantuan dan urusan bersama golongan itu. Kesimpulannya, sedikit ketegasan ketika bergaul dengan mereka dan perlu sensitif terhadap isu keagamaan agar mereka tidak memperlekeh dan mempermainkan agama. Wallahu a'lam.

## **TAK BERTEGUR SAPA**

### **Soalan:**

Apakah hukum jika seseorang tidak bertegur sapa atau bermasam muka selama lebih dari tiga hari menyebabkan hubungan itu dingin dan tidak seperti sebelum itu. Malah, yang menyedihkan ialah orang yang berbuat begitu seorang yang tinggi pelajaran agamanya. Bagaimanakah cara untuk menyedarkan orang itu?

## Jawapan:

Menurut Abu Ayyub al-Ansari r.a, Rasulullah s.a.w bersabda:

لَا يَحِلُّ لِمُسْلِمٍ أَنْ يَهْجُرَ أَخَاهُ فَوْقَ ثَلَاثِ يَلْتَقِيَانِ فَيَصُدُّ هَذَا وَيَصُدُّ هَذَا وَخَيْرُهُمَا الَّذِي  
يَبْدَأُ بِالسَّلَامِ

Maksudnya:

*“Seorang muslim tidak boleh bermasam muka dengan saudara seagamanya melebihi tiga hari. Apabila bertemu, salah seorang akan memalingkan mukanya. Yang terbaik antara mereka ialah sesiapa yang memulakan salam apabila bertemu.”* – Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim.

Selain itu, Islam tidak membezakan antara orang berilmu agama atau sebaliknya kecuali ketakwaan kepada ALLAH. Bertakwa ialah melakukan segala perintah ALLAH dan meninggalkan segala larangannya. Paling terlaknat ialah orang berilmu yang melakukan dosa dan maksiat.

Namun, bukan bermakna golongan tidak berilmu boleh melakukan maksiat semewang-wenangnya. Bahkan, dia berdosa kerana tidak mendalami ilmu agamanya.

Namun, jika golongan berilmu melakukan perbuatan itu ada kemungkinan sebagai masalah (menjaga kepentingan agama) atau sad al-Dzara-i’ (menghalang agar kemungkaran tidak tersebar). Ada kemungkinan dengan cara itu sahaja saudaranya itu akan sedar dan kembali bertaubat kepada ALLAH. Perbuatan ini diharuskan selagi dia tidak menzalimi seseorang.

Mengenai cara berdakwah kepada orang lain sama juga seperti berdakwah kepada diri kamu. Sukakah kamu jika seseorang menyampaikan teguran tetapi dengan bahasa dan nada menyindir? Justeru, muslim sejati akan sentiasa menyayangi dan menasihati saudara seagama sebagaimana dia menyayangi dirinya dari menjadi bahan bakaran api neraka. Wallahu a’lam.

**PELIHARA ANJING**

**Soalan:**

Apakah hukum memelihara anjing di dalam rumah kerana ada pendapat membenarkannya?

**Jawapan:**

Syarak mengharamkan orang Islam bermain-main dengan anjing tanpa tujuan. Balasan bagi orang yang melanggar hukum ini ialah pahalanya akan berkurangan setiap hari sebanyak satu qirot (sebesar bukit Uhud) atau dua qirot sebagaimana tercatat di dalam sahih al-Bukhari dan Muslim.

Tetapi, ada pengecualian bagi anjing yang digunakan untuk memburu, anjing terlatih dan untuk menjaga tanaman. Timbul persoalan adakah dibenarkan memelihara anjing untuk menjaga rumah? Menurut Imam Nawawi al-Syafie:

“Ulama berselisih pendapat selain dari tiga kategori di atas seperti menjaga bangunan dan jalan-jalan di pinggir kampung. Pendapat paling rajih (tepat) ialah harus memeliharanya dengan mengqiyaskan hukum tiga kategori di atas berdasarkan apa yang dapat difahami dari illah hadis (sebab dibolehkan), iaitu kerana perlu melakukannya (الحاجة).” – Rujuk Syarh Sahih Muslim, jil. 10, ms. 236.

Ini bermakna, orang ramai yang berada di tengah bandar tidak perlu memelihara anjing walaupun terlatih. Dalam keadaan ini, bermain-main dengan anjing tanpa tujuan syarak diharamkan dan pahala pemiliknya akan berkurangan setiap hari satu qirot atau dua qirot. Dia hendaklah melepaskannya dan jangan membunuhnya.

Tetapi, jika rumah yang terletak di pedalaman dan jauh terpencil, tentulah harus baginya memelihara anjing yang terlatih dan pemilik yang menyentuhnya tidak termasuk kategori hadis di atas.